Ikhwān al-Muslimīn
di Burma

Lima belas hari lamanya saya menjadi tetamu kepada pemerintah Burma. Kerana kaum pemeluk agama Buddha mengadakan suatu permesyuaratan besar memperingati hari Zahir Buddha Gautama. Seluruh negara yang beragama Buddha mengirimkan utusan; seumpama pemerintah Ceylon (Seri Langka), Nepal, Jepun, Siam, Kemboja, Laos, Sikim dan lain-lain. Pemerintah Inggeris diwakili oleh yang terutama Malcom McDonald sendiri, meskipun pemerintah Inggeris bukan beragama Buddha dan pemerintah India diwakili oleh pemimpin wanita Asia yang terkenal Wijaya Lakshmi Pandit dan Indonesia melimpahkan kehormatan kepada diri saya menjadi wakil dibantu oleh seorang Setiausaha saudara Sukawati.

Oleh al-Hāji ʿAbdul Malik Karīm Amrullāh (HAMKA)

Dua tahun yang telah lalu pemerintah Amerika Syarikat menjemput saya, maka dapatlah saya menambah sedikit lagi pengetahuan tentang agama Nasrani. Lima bulan yang telah lalu saya menjadi anggota utusan "Budi Baik" ke Siam. Sekarang ketua utusan ke Burma. Maka dapat pula saya menambah pengetahuan tentang agama Buddha dan masyarakatnya. Dengan jalan mengetahui agama lain dapatlah saya membandingkan dengan agama yang saya pusakai dan saya peluk dengan penuh cinta dan keinsafan. Sehingga bertambah kuatlah pengaruh doa wirid yang selalu saya baca sesudah mengerjakan sembahyang, iaitu: *"(Raḍītu bi Allāhi rabā wabil Islām mi dīnā wabi Muḥammadin ṣallā Allāhʿalaihi wa sallam nabiyyā"* (Redhalah aku mengakui Allah Tuhanku, dan Islam sebagai agamaku, dan Muhammad Nabiku").

Di dalam lawatan ke Burma ini dapat pula saya mengetahui bagaimana kehidupan dan masyarakat Islam di Burma.

Umat Islam di negeri Burma adalah kira-kira satu juta banyaknya. Hidup di antara 18 juta memeluk agama Buddha. Terutama mereka berdiam di bandar-bandar seperti Rangoon, Mandalay, Mulamin, Akiyab dan lain-lain lagi. Semenjak beratus tahun yang telah lalu, semasa negeri Burma masih berkerajaan, diperintah oleh raja-raja beragama Buddha. Pemeluk agama Islam telah datang dari India dan telah berkahwin dengan penduduk asli, sehingga lama kelamaan timbullah keturunan Islam dalam bangsa Burma. Pada zaman itu tidaklah terjadi pergaduhan hidup di antara mereka setelah negeri itu diperintah Inggeris dan Burma adalah sebahagian daripada kekuasaan Inggeris yang berpusat di Delhi, maka banyak pulalah ura-ura Muslimin India yang baharu berpindah dan menetap di Burma, Raja Moghul yang paling akhir meninggal dalam pengasingan di Rangoon. "Jalan Moghul" di Rangoon adalah sebatang jalan bagi masyarakat India Muslim sebab itu terdapatlah dua macam masyarakat Islam di Burma: Masyarakat Muslim lama yang telah campur darah dengan penduduk dan masyarakat Muslimin India yang baharu datang di bawah 100 tahun.

Di bandar-bandar Rangoon dan Mandalay kelihatan pagoda tempat menyembah berhala Buddha. Tetapi menara masjid tempat menyeru nama Tuhan yang satu menjulang pula ke langit. Bentuknya menurut Agara atau Asfahan. Di Rangoon tidak kurang daripada

30 masjid dengan menara-menaranya yang indah.

Setelah bangsa Burma berjuang membebaskan tanah airnya daripada penjajahan, pemuka-pemuka Islam Burma dengan lekas mengambil sikap. Negeri ini adalah negeri kita. Kita zahir di sini dan akan mati di sini. Lebih baik kita jangan ragu-ragu mencimpungkan diri dalam perjuangan maka di samping Au Ung San pemimpin Burma yang terkenal itu, tegaklah seorang pemimpin Burma Islam bernama Abdul Razak. Mereka berjuang melawan Jepun dan dapat memperjuangkan kemerdekaan sehingga pemerintah Inggeris mengakui kemerdekaan Burma. Tetapi baru sahaja pengakuan itu didapat, kaum pengkhianat telah membunuh pemimpin-pemimpin kemerdekaan itu, kerana hendak merebut kekuasaan. 7 orang pemimpin besar yang sangat disayangi rakyat mati terbunuh. Iaitu Au Ung San sendiri dan 6 orang temannya, di antaranya Abdul Razak bersama pengawalnya bernama Ali Khadir. Kejadian ini berlaku pada 19 Julai 1947. Abdul Razak diakui oleh seluruh rakyat Burma bukan sahaja pemimpin Islam, tetapi pemimpin Burma.

(Makamnya yang terletak di perkuburan kaum Muslimin bersama pengawalnya sentiasa diziarahi).

Setelah beliau meninggal, golongan Muslimin terus melanjutkan wasiat beliau, berjuang mempertahankan kemerdekaan Burma. Bahu membahu dengan kawan setanah air yang beragama lain. Sebab orang Islam itu di mana pun dia berdiam, di sanalah ia akan beribadah kepada Tuhan dan berjasa kepada masyarakat. Di antara yang berjuang itu ialah dua orang pemimpin Burma Islam yang sekarang duduk di dalam pemerintahan. Iaitu Au Kin Mau Lat (Abdul Latif Khan) Menteri Kehakiman dan Kesihatan dan Abdul Rashid Menteri Perburuhan dan Pemurahan Rakyat. Menteri Kehakiman itu menjadi ketua "Kongres Muslimin Burma seluruh Burma".

Mengapa dikatakan Muslim Burma?

Sebabnya ialah sebagai yang kita katakan tadi. Banyak pula orang Muslimin India atau Muslim Pakistan yang tidak atau belum mahu mengakui dirinya menjadi orang Burma hati mereka masih tersangkut kepada tanah asli iaitu India atau Pakistan. Di rumahnya masih tergantung gambar Ali Janah dan Liaquat Ali Khan. Atau Abū al-Kalām Izād dan Nehru.

Oleh sebab perjuangan yang tulus ikhlas itu, maka tidaklah Muslim Burma merasa dirinya "golongan kecil". Di dalam undang-undang dasar negara Burma ada ditulis tentang agama:

"Agama Buddha mendapat pengakuan pertama oleh negara. Sebab penduduk Burma yang terbanyak ialah memeluk kepercayaan agama Buddha. Dan diakui pula agama Islam, Kristian dan Animisme (agama puja semangat- P.Q.) Sebab rakyat Burma ada pula yang memeluk agama itu".

Oleh sebab itu teranglah bahawa negara Burma tidaklah mengatakan bahawa negara Burma itu negara Buddha. Tetapi mengakui segala agama yang ada dalam negara dan meletakkan Buddha di tempat kedua, meskipun umat Islam hanya satu juta.

Di dalam pemerintahan Burma, sebagai juga di Indonesia ada Kementerian Agama dia bukan mengurus agama, tetapi membantu perkembangan agama, sudah barang tentu agama Buddha banyak mendapat bantuan.

Kementerian Agama membantu tatkala golongan Islam mendirikan panitia pengurus jemaah Haji. Baharu-baharu ini telah ditetapkan bantuan 60,000 kyat (rupiah) pembantu penyiaran (tabligh) Islam dan diadakan pula suatu lembaga pengatur pendidikan agama. Lembaga itu dibahagi-bahagi untuk membentuk pendidikan Islam, ada panitia kecilnya. Agama wajib diajarkan di sekolah-sekolah pemerintah anak-anak Islam diajar oleh guru Islam.

Tatkala rakyat Burma yang beragama Katholik hendak ziarah ke Bandar Rom, pemerintah telah memberikan bantuan yang layak bagi mereka.

Usaha mereka terbahagi dua. Ada yang semata-mata politik, seperti pergerakan "Kongres Muslimin Burma seluruh

(sambungan pada muka 26)

(sambungan daripada muka 13)

Burma" yang di dalam huruf Burma ditulis dengan ringkas dan dibunyikan: "Bamaka"

Dalam percakapannya dengan saya, Menteri "Au Kin Mau Lat" dengan cara bersenda bergurau, berkata:

Nama tuan yang terkenal ialah "HAMKA" singkatan dari Haji 'Abdul Malik Karīm Amrullāh. Maka partai kami pun memakai nama singkatan pula "Bamaka"! Bamaka masuk di dalam gabungan segala partai yang menyokong pemerintah sekarang, yang berhaluan sosialis.

Usaha yang kedua semata-mata agama, iaitu "Jam'iyyat al-'Ulama'". Perkumpulan ini bekerja keras berusaha mengembangkan agama Islam, terutama dalam kalangan pemuda-pemuda Islam Burma sendiri. Salah satu daripada usahanya ialah mendirikan rumah pemeliharaan anak yatim, dan mendidik serta mengasuh anak-anak perempuan, nama sekolahnya "Zainah Girl School" manakala ketua pergerakan perempuan Islam ialah Nyonya Dao Sao Sui anggota parlimen Burma. Anggota parlimen Burma 370 orang. Di antaranya 12 Muslim. Dua sahaja anggota wanita dalam parlimen itu. Kedua-duanya Islam.

Sekarang sedang diusahakan mentafsirkan al-Quran ke dalam bahasa Burma pemimpin sidang pengarangnya ialah Profesor Qāsim. Seorang doktor bahasa Pali di dalam Universiti Rangoon.

Beliau menjadi tempat bertanya orang-orang Burma yang beragama Buddha sendiri tentang rahsia-rahsia bahasa Pali. Maka beliaulah yang memimpin mentafsirkan al-Quran itu di bawahnya ialah Mawlana Muḥammad Hāshim Ghāzī Ṣāḥib. Beliau ini fasih berbahasa Arab dan Mawlana 'Abdul al-Maqṣūd Ṣāḥib.

Demikianlah pandangan sepintas lalu tentang kegiatan umat Muslimin Burma membela agamanya. Walaupun jumlahnya kecil di Burma itu, ada agak jauh perbezaannya dengan Muslimin di Siam. Pada hal jumlah mereka di Siam lebih daripada 2 milion. Sebab di sebelah Selatan adalah terlebih banyak Muslimin Melayu. Saya melihat ketika saya di sana, seakan-akan orang Buddha Siam itu memandang dengan "setengah hati" kepada Muslimin Melayu, sehingga pernahlah di Selatan itu (Sanggora dan Patani) orang Islam melawan pemerintah Siam kerana merasa di anak tirikan. Di bawah pimpinan Haji Sulung. Tetapi kalau hal ini kita fikirkan lebih dalam hal ini terlebih banyak pertentangan di antara bangsa Melayu dengan bangsa Siam. Orang Melayu pernah dipaksa meninggalkan pakaian rasminya dan adat istiadatnya dan ini adalah hal yang telah lama turun temurun, semenjak zaman Melaka. Hanya ajaran demokrasi juga yang akan dapat mengubatnya.

Ketika saya dapat berjumpa dengan Profesor Muhammad Qāsim, sangatlah tertarik perhatian saya kepada beliau kerana luas dan dalam ilmunya dalam hal agama Islam, dan bertambah luas lagi pengetahuannya itu kerana pengetahuannya tentang agama Buddha. Di dalam ke tanah jajahannya cukup kitab-kitab Injil. Baik keluaran Katholik atau keluaran Protestan dan ada pula padanya kitab-kitab tentang agama Buddha. Lalu katanya, cuba tuan lihat kitab-kitab ini keluaran Katholik lain Injil. Keluaran Protestan lain pula Injilnya, Bahkan cetakan lama dengan cetakan baharu. Bahasa lama dengan bahasa baharu "Semuanya berbeza" kata beliau. Dan demikian pula kitab-kitab orang Buddha. Jangankan kitab-kitab Buddha di Ceylon, Nepal atau Tibet dan Burma serta Siam, sedangkan kitab Buddha di Burma sendiri. Kepunyaan pendeta anu dengan pendeta anu lagi ada juga perbezaannya. Padahal al-Quran hanya satu. Dan meskipun kita mempunyai berbagai mazhab, ada Sanī, ada Shī'ī, namun al-Quran tempat kita semuanya kembali hanya satu".

Akhirnya dapatlah saya berjumpa dengan yang mulia Menteri Muhammad 'Abdul Rashīd iaitu Menteri Urusan perburuhan dan perumahan rakyat dalam persidangan Menteri Burma. Beliau di samping kegiatan politik cergasnya pula memajukan gerakan Islam. Kata beliau: "Tuan lihat sendiri bagaimana kegiatan saudara-saudara pemeluk agama Buddha menghidupkan agamanya kembali dan membaharuinya. Kalau kami orang Islam di sini lalai

menegakkan agama Islam, tentu kami akan tenggelam. Kerana kami di sini berbeza dengan di India. Di sana orang Islam dengan Hindu sangat berbatas. Baik adat. Atau pakaian atau lain-lain. Pada hal kami di sini tidak begitu, pakaian sama, rupa pun sama. Kami belum bermaksud menyiarkan agama Islam kepada orang Buddha. Dapat sahaja orang Islam mengerti hakikat agamanya sudahlah untung." Demikian ujar Menteri itu.

Lalu saya jawab: "Bilangan kita umat Islam sudah cukup banyak sekarang. Kita sudah ada 500 juta di dunia. Kalau yang 500 juta ini sudah mengerti hakikat agamanya sudahlah lebih cukup, orang lain akan tertarik sendirinya. Kita belum perlu mengadakan pusat penyiaran sebagai orang Nasrani, apabila keislaman kita sudah kuat, orang akan tertarik dengan sendiri".

Alhasil meskipun umat Islam di Burma hanya sedikit. Satu million di dalam 18 milion orang Buddha. Namun di sana sekarang sudah timbul pengertian-pengertian yang baharu tentang Islam. Malahan Profesor Qāsim berkata: "Alangkah baiknya apabila ahli-ahli agama Islam di Indonesia sudi menolong kami. Iaitu mengirimkan mubaligh-mubaligh Islam yang befaham maju ke mari. Yang mahir berbahasa Inggeris. Apatah lagi orang Indonesia lebih fasih daripada kami berbahasa Arab." Sayang sekali saya tidak dapat menjawab pasti pengharapan itu. Sebab Indonesia pun kekurangan orang.

Apabila tuan melawat ke luar negeri dan singgah di Burma, akan tuan lihat di tempat istirehat perhentian kapal udara tergantung gambar-gambar tujuh pahlawan Burma yang meninggal dunia kerana khianatnya pemberontakan. Di dekat nama-nama bahasa Burma, di antara yang tujuh itu akan nampak gambar yang dibawahnya tertulis "'Abdul Razāq". Mukanya kelihatan tersenyum. Itulah suatu lambang dan tanda bukti yang baik tentang hatinya kaum Muslimin di dalam negara Burma, iaitu senyum ramah tamah di dalam menunaikan kewajipan. Dan di seluruh dunia yang mana pun jua, umat Islam menghadapi kewajipannya dengan senyum.

Suatu pemandangan di Basrah. Lihat pohon-pohon Kurma membanjiri pantai Teluk Parsi dengan indahnya.